

PM kecewa projek di Tanjung Lembung belum bermula

UM 9 JUL 2001

Oleh ZUHAIRI ALI

LANGKAWI 8 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meninjau perkembangan beberapa projek pembangunan selain melawat kawasan paya bakau yang menjadi tumpuan pelancong sekitar Langkawi.

Walaupun beliau berpuas hati dengan beberapa projek berjalan mengikut jadual namun Dr. Mahathir kesal kerana projek membina pusat sehenti kapal layar di Tanjung Lembung hanya kelihatan beroperasi sewaktu majlis perasmian yang dilakukannya pada April lalu.

Beliau yang membuat lawatan mengejut ke tapak projek itu hari ini mendapati tidak ada kerja yang sedang dijalankan.

“Saya rasa sedih, jangan panggil saya buat upacara pembukaan, lepas itu tak buat apa-apa pun,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini sempena lawatan dua hari ke Langkawi bermula semalam.

Beliau merujuk kepada projek membina, menyelenggara dan membaik-pulih kapal layar di Tanjung Lembung seluas 4.8 hektar hasil usaha sama Penang Shipbuilding and Construction Sdn. Bhd. (PSC) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Dr. Mahathir memulakan lawatan dengan melihat projek kereta kabel yang terletak bersebelahan kawasan membeli-belah bebas cukai, ‘Oriental Village’ di Teluk Burau, kira-kira 35 kilometer dari Kuah.

Turut bersama beliau ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib, Pegawai Daerah Langkawi, Rasli Basir dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

Projek milik LADA itu kini mencapai tahap 25 peratus dan dijadual siap Mac tahun depan dengan kos RM45 juta.

Menurut ketua perunding projek yang juga Pengarah Urusan Wyss Planning Consultants, Dr. Peter A. Wyss, apabila siap kelak, ia akan menjadi jaringan kereta kabel jenis gondola enam tempat duduk yang terpanjang di dunia.

Katanya, ia membabitkan jarak keseluruhan sepanjang 2.2 kilometer dan menghubungkan ‘Oriental Village’ dengan puncak Gunung Mat Chinchang setinggi 708 meter.

Dr. Mahathir kemudian diberi taklimat tentang perkembangan projek pemulihan Pantai Kok dan benteng penahan ombak bernilai RM29.6 juta yang bakal menjadi pusat rekreasi awam serta pemangkin kepada kawasan pembangunan baru di utara Langkawi.

Selepas itu beliau singgah melihat perkembangan projek pengindahan Sungai Kuala Melaka yang dibangunkan dengan kos RM28 juta dan dijadual siap Jun tahun depan.

Beliau turut menyaksikan kerja menaik-taraf litar go-kart MORAC di Pantai Cenang yang akan menjadi tuan rumah perlumbaan berprestij, ‘Rotax World Final’ pada Januari tahun depan.

Projek itu yang membabitkan kos lebih RM2 juta, akan memanjangkan trek perlumbaan daripada 990 meter sekarang kepada 1.23 kilometer, pembinaan *grandstand* untuk menampung sehingga 600 penonton serta kemudahan seperti restoran.

Pada sebelah petang, Dr. Mahathir menaiki bot untuk melawat hutan paya bakau di Kilim serta berpeluang menyaksikan daya tarikan terbaru Langkawi iaitu suasana berpuluh ekor burung helang berebut makanan di Sungai Kilim.